

# BENDERA DAN LAGU RASMI WILAYAH PERSEKUTUAN



Bendera Wilayah Persekutuan - Gambar Berita Bandaraya

Dalam rekaan Bendera Rasmi Wilayah Persekutuan ini, warna asas Bendera Malaysia telah diterapkan. Berikut adalah penerangan mengenai rekabentuk Bendera Rasmi Wilayah Persekutuan:

- **Kuning** – kedudukan yang dihormati, dimuliakan dan kedaulatan;
- **Merah** – semangat waja, kekuatan, keberanian dan bertenaga; dan
- **Biru** – perpaduan, keikhlasan, kestabilan, keharmonian dan kebenaran.
- **Jata Negara** (lambang harimau berjuang) melambangkan Wilayah Persekutuan sebagai jajahan yang meneraju pemerintahan, pentadbiran dan pusat perniagaan negara.
- **Tiga bintang** di bawah Jata Negara membawa maksud tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang bernaung dan mendokong Wilayah Persekutuan.

Berikut adalah senikata lagu rasmi Wilayah Persekutuan:-

## MAJU DAN SEJAHTERA

HARMONI  
WILAYAH PERTIWI  
SEMOGA  
SENTIASA DIBERKATI

WAWASAN  
HALA PEMBANGUNAN  
SEBAGAI  
SEMANGAT PERPADUAN

WILAYAH PERSEKUTUAN  
MAJU DAN SEJAHTERA

MAJU DAN SEJAHTERA...

Lagu ciptaan dan gubahan oleh Dato' Wah Idris  
Lirik oleh Sheikh Faisal Mansor

**Maju dan Sejahtera** dipilih sebagai judul lagu kerana perkataan **Maju** menggambarkan kemajuan yang dicapai oleh wilayah-wilayah ini daripada segi ekonomi, politik, sosial, rohani, psikologi dan budaya. Manakala perkataan **Sejahtera** pula dipilih berdasarkan beberapa aspek. Aspek-aspeknya adalah seperti yang berikut:

- merupakan bandar raya yang berkualiti dan efisien yang mempunyai infrastruktur yang terancang dan berkualiti;
- mempunyai sistem pengangkutan awam yang tepat, cepat dan selamat;
- keselamatan awam yang terjamin dan kemudahan rekreasi untuk memenuhi pelbagai keperluan masyarakat;
- wujudnya keharmonian integrasi antara kaum dan penyertaan masyarakat untuk membentuk komuniti yang berhemah, berbudi bahasa dan berbudaya tinggi;
- pencapaian masyarakat yang berilmu, bermoral, beretika dan bersikap toleransi;
- pencapaian ekonomi dan peluang pekerjaan untuk masyarakat; dan
- nilai kebersihan, keselesaan dan penjagaan alam sekitar.

Dengan wujudnya bendera dan lagu rasmi Wilayah Persekutuan, kini ketiga-tiga wilayah iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai satu identiti yang dikongsi bersama.

### Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam  
(8 pagi sehingga 5 petang) – 03-2617 9925  
Tol Bebas Telekaunseling – 1800 882 600  
Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)  
– 03-4022 0033 / 4024 4424  
Skwad Penyelamat (24 jam) – 03-4023 1033 / 4023 1133  
Unit Kecemasan (24 jam) – 03-9284 3636 / 3434 / 3433

### Rakan Cop

<u>Negeri</u>	<u>Hotline</u>
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800

# DARI MEJA DATUK BANDAR



Setiap tahun kita menyambut kemerdekaan negara kita yang jatuh pada 31 Ogos dan pada tahun ini genaplah usia 49 tahun Malaysia merdeka. Pelbagai rintangan dan halangan terpaksa nenek moyang kita hadapi sebelum negara kita diisytiharkan merdeka. Laungan "MERDEKA" oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka menjadi satu detik yang bermakna buat semua. Walaupun hujan renyai-renyai turun pada pagi itu, ia tidak melunturkan semangat mereka yang hadir kerana hari itu berlakunya peristiwa yang menandakan bahawa Tanah Melayu (sebelum ditukar kepada nama Malaysia) telah bebas daripada jajahan kuasa asing. Begitulah semangat kemerdekaan yang ada pada mereka ketika itu.

Tahun ini sambutan kemerdekaan yang utama diadakan di Kuching, namun begitu persiapan Kuala Lumpur bagi menyambut ketibaan hari yang bersejarah itu tidak kurang hebatnya. Jalur Gemilang mula digantung di sekitar Kuala Lumpur. Bukan itu sahaja, malah syarikat-syarikat persendirian di sekitar Kuala Lumpur turut menggantung Jalur Gemilang di bangunan masing-masing. Pada waktu malam pula, Kuala Lumpur diterangi dengan cahaya lampu daripada lampu-lampu yang dipasang di pokok-pokok dan juga lampu-lampu bangunan. Semua ini adalah usaha untuk menceriakan Kuala Lumpur seterusnya menaikkan semangat kemerdekaan di kalangan warga kota.

Dalam keghairahan kita menyambut detik yang

## dengan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai lainnya. Jika anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah melampirkan kepada: **Sidang Redaksi Berita Bandaraya**, Unit Mail Lokal, Negeri & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: [akhbar@dbkl.gov.my](mailto:akhbar@dbkl.gov.my) Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

bersejarah ini, kita jangan melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan sambutan perayaan kemerdekaan itu. Kegiatan seperti menunggang motorsikal secara berbahaya di jalan raya tidak mendatangkan manafaat dan seharusnya perbuatan seperti ini dielakkan kerana ia bukan hanya mengancam nyawa penunggang bahkan juga nyawa orang lain. Kita hidup bermasyarakat seharusnya memikirkan tentang keharmonian dan kesejahteraan hidup bersama-sama dan tidak seharusnya hanya mementingkan diri sendiri.

Pada pandangan saya, tidak salah untuk seseorang itu melahirkan kreativiti mindanya namun ia harus disalurkan dengan cara yang lebih sihat. Kegiatan vandalisme seperti menconteng dinding tidak sepatutnya dilakukan kerana ia boleh mencacatkan keindahan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Marilah kita sama-sama menyambut kemerdekaan kita ini dengan perasaan komited dalam menjaga imej Kuala Lumpur kerana sebagai ibu negeri Malaysia kita harus mencerminkan imej yang baik.

**"KERANAMU MALAYSIA"**

**"MISI NASIONAL PENJANA WAWASAN"**

*Sayangi Kuala Lumpur*

## Sidang Redaksi

Penasihat: Y. Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan  
Ketua Editor: Tuan Hj Salleh Bin Yusup  
Editor: Anwar Bin Mohd Zain  
Sub-Editor: Nur Diana Bt Md Ghazali  
Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor  
Md Ismail Bin Isnin

**Berita**

Kuala Lumpur City News

# BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil.8 Ogos 2006/Rejab - Syaaban 1427H

ISSN 1675-1876 Naskah Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## KURSUS ASAS PENGUATKUASAAN

**D**alam usaha DBKL melahirkan penguatkuasa yang berdedikasi dan berdisiplin tinggi, Kursus Asas Penguatkuasa DBKL telah dijalankan sebelum pengambilan anggota penguatkuasa dilakukan. Melalui kursus ini pelatih-pelatih penguatkuasa didedahkan dengan pelbagai modul latihan seperti latihan jasmani, pembelajaran kawad, pembelajaran modul undang-undang dan juga modul pentadbiran.

Selain daripada itu, pelatih-pelatih anggota penguatkuasa juga didedahkan dengan undang-undang serta kemahiran mengendalikan senjata api. Etika mahkamah dan skil perhubungan awam juga antara perkara yang ditekankan di dalam kursus ini. Ceramah agama, motivasi dan ceramah daripada pihak B.P.R. turut diberikan kepada pelatih-pelatih untuk melengkapkan diri mereka sebelum menjadi seorang anggota penguatkuasa yang berdedikasi.

Kursus yang telah diadakan baru-baru ini dilaksanakan melalui tiga peringkat bermula daripada 3 April 2006 sehingga 5 Julai 2006 di tiga lokasi yang

berbeza. Latihan peringkat pertama telah dijalankan di Pusat Latihan Ikram, Serdang, Kajang di mana pelatih menjalani latihan selama 60 hari bekerja. Di peringkat kedua pula, para pelatih menjalani ulangkaji dan juga latihan sambil bekerja selama 13 hari di Pulapen. Latihan peringkat yang terakhir kemudiannya telah berlangsung di Astaka Taman Tasik Titiwangsa di mana para pelatih menjalani latihan dan raptai perbarisan tamat latihan. Pengambilan anggota hanya dibuat selepas tapisan dan ujian pemilihan di samping lulus ujian lasak.

Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Penguatkuasa Pengambilan Ke-11/2006 yang dirasmikan oleh Y.Bhg. Tuan Haji Salleh Yusup, Ketua Pengarah DBKL telah menyaksikan penganugerahan kepada pelatih yang menunjukkan tahap kecemerlangan yang tinggi. Kategori pelatih menembak terbaik telah dirangkul oleh P/5153 Suhaimmy Bin Mohd Ariffin manakala kategori pelatih kawad terbaik jatuh kepada P/5105 Amiruddin Bin Abd Hamid. Anugerah pelatih akademik terbaik dan anugerah pelatih keseluruhan terbaik pula diterima oleh P/5110 Ridzuan Bin Abas.

Dalam ujian akhir bagi sesi pengambilan yang diadakan baru-baru ini, seramai 72 anggota pelatih telah menerima tawaran untuk menjadi anggota penguatkuasa DBKL di mana 54 orang daripada jumlah tersebut adalah lelaki manakala yang selebihnya adalah daripada golongan wanita.

Kakitangan Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan sedang membantu orang awam ketika banjir. *Gambar Berita Bandaraya*